

**Pandangan Guru Pendidikan Islam Terhadap 'SbafL' Di Sekolah Menengah Di
Negara Brunei Darussalam**

***The View Of Islamic Education Teachers Against 'SbafL' Of Secondary Schools In
Brunei Darussalam***

Hjh Norwati Hj Abu Bakar¹, Mohd Isa Hamzah², Ab.Halim Tamuri³& Aliff Nawi⁴

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk meneroka persepsi guru Pendidikan Islam terhadap pelaksanaan SBAfL di sekolah menengah di negara Brunei Darussalam. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan menggunakan reka bentuk secara fenomenologi untuk meneroka tentang konsepsi guru pendidikan Islam terhadap SBAfL. Sebanyak tujuh orang guru pendidikan Islam terlibat di dalam kajian. Dapatan kajian ini secara umumnya diharap akan dapat membantu pihak yang berkepentingan untuk menjana strategi yang sesuai demi mempertingkatkan mutu pengajaran dan pembelajaran di sekolah-sekolah di negara Brunei Darussalam. Dapatan menunjukkan bahawa terdapat empat tema utama yang dapat dikenalpasti dalam menjelaskan konsepsi guru terhadap pelaksanaan SBAfL. Tema-tema ini adalah penting terhadap amalan semasa guru dalam pentaksiran kerana hal ini dapat membantu guru dalam memahami, memberi tindak balas dan melaksanakan perubahan dalam pentaksiran. Kesimpulannya, pelaksanaan SBAfL yang dijalankan ini dapat meningkatkan dan memantapkan lagi kualiti pengajaran dan pembelajaran di sekolah-sekolah menengah.

Kata kunci: SBAfL, Pendidikan Islam, pentaksiran, Brunei

ABSTRACT

This study aimed to explore the perceptions of Islamic Education teachers to exercise SBAfL in secondary schools in Brunei Darussalam. This study used a qualitative approach using the phenomenological design to explore the concept of Islamic education teachers to SBAfL. A total of seven Islamic education teachers involved in the study. These findings are generally expected to be able to help stakeholders to generate appropriate strategies

¹ Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43000 Sealangor, Malaysia. hjhnorwati@gmail.com

² Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43000 Sealangor, Malaysia

³ Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43000 Sealangor, Malaysia

⁴ Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43000 Sealangor, Malaysia

to enhance the quality of teaching and learning in schools in Brunei Darussalam. The findings indicate that there are four main themes identified in explaining conception to implementation SBAfL teacher. These themes are important to the current practice of teachers in the assessment because it can help teachers to understand, respond and implement change in assessment. In conclusion, the implementation SBAfL can be done to improve and enhance the quality of teaching and learning in secondary schools.

Keywords: *SBAfL, Islamic education, assessment, Brunei*

Pendahuluan

Sistem Pendidikan Negara Abad ke-21 (SPN21) telah diperkenalkan bagi meningkatkan kecemerlangan bidang pendidikan di negara Brunei Darussalam. Pelaksanaan SPN21 yang telah bermula pada tahun 2009 bertujuan menyediakan pelajar dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran abad ke 21, di samping membekalkan mereka dengan nilai-nilai dan sikap-sikap melalui pendidikan Islam dan konsep Melayu Islam Beraja, bagi memenuhi keperluan dan tuntutan zaman yang berubah (Jabatan Perkembangan Kurikulum 2009). Tiga perubahan utama terhadap (i) struktur sistem pendidikan (ii) kurikulum dan pentaksiran dan (iii) pendidikan teknikal telah dilaksanakan untuk memastikan sistem pendidikan kekal, relevan dan berkualiti tinggi (Sistem Pendidikan Negara Abad ke-21).

Pelaksanaan perubahan pentaksiran adalah menjadi salah satu agenda utama dalam perubahan sistem pendidikan di negara Brunei Darussalam, sebagai penambahbaikan terhadap pentaksiran pelajar yang sedia ada. Perubahan pentaksiran telah dilaksanakan di sekolah-sekolah rendah dan menengah mulai tahun 2008 terhadap pentaksiran berbentuk formatif dan sumatif. Tumpuan diberikan kepada pentaksiran rujukan norma kepada pentaksiran rujukan kriteria sebagai usaha memberi penekanan kepada penguasaan pengetahuan dan kemahiran bagi melahirkan murid seimbang dalam pelbagai aspek.

Bagi meningkatkan dan memantapkan lagi kualiti pengajaran dan pembelajaran di sekolah-sekolah menengah, maka pihak Kementerian Pendidikan telah memperkenalkan 'Pentaksiran Kendalian Sekolah untuk Pembelajaran atau lebih dikenali dalam kalangan guru-guru sebagai "*SBAfL*" (*School Based Assessment for Learning*) (selepas ini akan terus disebut *SBAfL*) sebagai tambahan kepada sistem pentaksiran yang sedia ada. *SBAfL* adalah gabungan daripada dua elemen yang mempunyai perkaitan yang sangat erat, iaitu Pentaksiran Kendalian Sekolah (*School Based Assessment- SBA*) dan Pentaksiran untuk Pembelajaran (*Assessment for Learning- AfL*).

Tinjauan Literatur

Pentaksiran adalah satu bahagian yang penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran kerana ia menyediakan maklumat penting tentang pembelajaran pelajar dan pengajaran guru. Pentaksiran formatif adalah aktiviti yang digunakan oleh guru-guru dan pelajar untuk

mengumpul maklumat bagi mengubahsuai pengajaran untuk memenuhi keperluan pelajar (Black & William 1998). Menurut Chappius dan Chappius (2008), tujuan pentaksiran formatif adalah untuk pembelajaran dan pentaksiran terhadap pembelajaran. Oleh yang demikian, pentaksiran untuk pembelajaran (*Assessment for Learning-AFL*) turut termasuk dalam kategori pentaksiran formatif seperti yang diakui oleh William (2005).

Pentaksiran formatif pula adalah permulaan bagi pengajaran yang lebih baik, bukan penutup pengajaran, ia adalah sebahagian daripada pengajaran, bukan satu tugas tambahan dan pentaksiran formatif bukan hanya pra-pentaksiran, tetapi ia adalah pentaksiran kemajuan (Tomlinson 2008). Pentaksiran formatif adalah alat untuk mempercepatkan pengajaran dan pembelajaran yang cemerlang (Chappius & Chappius, 2008).

William dan Thompson (2008) turut menyatakan bahawa salah satu cara dalam strategi pentaksiran formatif yang disesuaikan dengan proses pengajaran guru ialah dengan menjelaskan objektif pembelajaran dan kriteria untuk berjaya kepada pelajar. Berdasarkan objektif pembelajaran jelas menunjukkan kepada pelajar apa yang mereka akan belajar dan memberitahu guru konsep kemahiran atau pengetahuan apa yang pelajar mereka perlu peroleh. Selain itu dengan menjelaskan objektif pembelajaran dan mengesan kemajuan pelajar ke arah matlamat tersebut menjadikan proses pembelajaran lebih telus; pelajar tidak perlu untuk meneka apa yang mereka perlu lakukan untuk menunjukkan prestasi yang baik dan dalam masa yang sama guru juga membantu pelajar untuk mengesan kemajuan mereka sendiri dan membina keyakinan (CERI 2008).

Salah satu aspek yang penting dalam strategi ini juga ialah menyediakan maklum balas yang membina kepada pelajar. Clark (2010) menjelaskan titik permulaan pentaksiran formatif adalah maklum balas. Muijs dan Reynolds (2011) juga mencadangkan supaya maklum balas tersebut menyediakan pandangan untuk penambahbaikan, tetapi bukan penyelesaian sepenuhnya. Maklum balas juga perlu bertindak sebagai '*scaffold*' yang membolehkan murid untuk mencari sendiri penyelesaian yang betul berdasarkan pengetahuan dan kemahiran mereka yang ada pada diri mereka. Dalam hal ini guru perlu pengetahuan kandungan yang baik untuk mengajukan soalan yang baik, untuk mentafsirkan jawapan pelajar dan menyediakan maklum balas yang sesuai yang memberi tumpuan kepada apa yang perlu dilakukan untuk meningkatkan pembelajaran pelajar (William dan Thompson 2008).

Dalam proses pengajaran dan pembelajaran, kemahiran pelajar akan dapat dikembangkan melalui aktiviti penilaian sendiri dan penilaian rakan sebaya. Kedua-dua aktiviti ini akan menjadikan pelajar aktif dan bertanggungjawab terhadap pembelajaran mereka (William & Thompson 2008). Hal ini juga dipersetujui oleh Muijs dan Reynolds (2011) yang menyatakan melibatkan pelajar untuk menilai kerja mereka sendiri atas dasar kriteria yang jelas boleh membantu menilai prestasi dan membangunkan kemahiran metakognisi mereka sendiri. Glasson (2009) menambah bahawa berdasarkan penilaian sendiri, guru-guru boleh mendapatkan maklumat tentang pemikiran dan sikap terhadap pembelajaran, yang dapat mereka gunakan untuk membimbing pengajaran dan

pembelajaran masa depan. Manakala melalui penilaian rakan sebaya ini merupakan cara yang berkesan untuk mendorong pelajar menilai pembelajaran mereka sendiri terutama dalam konteks kerja kumpulan secara kolaboratif (Muijs dan Reynolds 2011).

Tujuan pentaksiran formatif adalah untuk memaklumkan pengajaran, atau memberikan maklumat yang akan membantu merancang pengajaran masa depan, untuk meningkatkan pencapaian pelajar secara individu melalui pembezaan pengajaran dan pentaksiran (Stigging et.al 2006). Menurut Brookhart (2008) bahawa kejayaan pelaksanaan proses pentaksiran formatif di sekolah akan memerlukan guru memahami bahawa pentaksiran formatif adalah alat yang berkuasa untuk pengajaran apabila digunakan dengan berkesan. Oleh yang demikian pentaksiran apabila digunakan dengan berkesan menjadi alat pengajaran yang menyokong pembelajaran pelajar dan membimbing amalan pengajaran guru-guru (Popham 2008; Stiggins 2006 dan William et. al 2004)

Dalam konteks di negara Brunei Darussalam, *SBAfL* digunakan sebagai pentaksiran dalam pengajaran. *SBAfL* merupakan salah satu bentuk kaedah pentaksiran yang mewakili perubahan paradigma yang terbesar dalam pendidikan di negara Brunei. Dengan penggunaan *SBAfL*, pencapaian pelajar dalam menguasai pembelajaran tidak hanya dinilai melalui peperiksaan akhir tahun dan berpusat. Bahkan pentaksiran dilaksanakan secara berterusan semasa proses pengajaran dan pembelajaran. Perubahan yang berlaku adalah dari bergantung pada menghafal, ujian dan peperiksaan untuk mengukur kemajuan pelajar kepada satu sistem di mana pelajar sendiri adalah rakan kongsi aktif dalam pembelajaran dan proses pentaksiran memberi faedah daripada maklum balas yang berkualiti tinggi dan sokongan pembelajaran berterusan.

Oleh yang demikian *SBAfL* berfungsi untuk menggalakkan perubahan dalam falsafah pentaksiran berasaskan sekolah, di mana pelajar juga memainkan peranan utama dalam pembelajaran mereka. Dalam *SBAfL* pentaksiran perlu disepadukan dengan pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam. *SBAfL* menyediakan guru pendidikan Islam dan pelajar dengan maklumat kualitatif tentang bagaimana pelajar menguasai pembelajaran mereka. Melalui *SBAfL*, guru pendidikan Islam dan pelajar dapat mengetahui kekuatan dan kelemahan pelajar semasa proses pengajaran dan pembelajaran. Sehubungan itu, ia membolehkan guru menyesuaikan aktiviti pemulihan atau pengayaan berdasarkan keperluan pelajar (Zainal t.th). Oleh yang demikian, guru pendidikan Islam boleh memberikan gambaran lengkap mengenai kemajuan pembelajaran pelajar.

Justeru, pengenalan *SBAfL* memerlukan perubahan yang ketara dalam cara-cara pengajaran dan pembelajaran yang diamalkan oleh guru –guru pendidikan Islam di Brunei. Sehubungan dengan itu, kajian ini dijalankan adalah untuk meneroka kefahaman guru-guru pendidikan Islam terhadap Pentaksiran Kendalian Sekolah untuk Pembelajaran (*SBAfL*) di Brunei.


Metodologi

Pelaksanaan penyelidikan ini akan menggunakan pendekatan kualitatif dengan menggunakan reka bentuk kajian fenomenologi. Reka bentuk fenomenologi sesuai bagi kaedah kualitatif ini kerana pengalaman guru adalah fenomena yang menggambarkan kefahaman yang diperoleh dalam kehidupan mereka, yang sukar untuk dilihat, diukur dan dikira (Byrne 2001). Pemilihan penyelidikan fenomenologi ini membantu pengkaji untuk meneroka kefahaman guru terhadap pentaksiran (*SBAfL*), kerana kefahaman, kecekapan dan kemampuan melakukan pentaksiran pembelajaran merupakan kemampuan dasar yang mutlak dan harus dimiliki oleh guru dan calon guru (Zainal t.th).

Temu bual secara mendalam dilakukan terhadap tujuh orang guru pendidikan Islam bagi mendapatkan maklumat tentang kefahaman dan pandangan tentang *SBAfL*. Melalui temu bual inilah pengalaman setiap peserta kajian akan diperoleh. Dalam kajian ini pemilihan peserta kajian dilakukan secara persampelan bertujuan (*purposive sampling*) digunakan dengan menentukan beberapa kriteria yang ditentukan oleh pengkaji (Merriam 1998). Dengan menggunakan kajian fenomenologi, penyelidik perlu memastikan setiap peserta kajian telah mengalami fenomena yang berkaitan dengan kajian (Moustakas 1994; Creswell 1998). Kajian ini akan melibatkan guru-guru yang mengajar mata pelajaran pengetahuan Agama Islam di sekolah menengah kerajaan sahaja. Peserta yang terlibat dalam kajian ini seramai tujuh orang. Pemilihan terhadap guru tersebut berdasarkan pengetahuan mereka terhadap pentaksiran dalam SPN21 (*SBAfL*) kerana mereka ini telah diberi pendedahan kepada sistem pentaksiran baharu ini melalui bengkel Program Perkembangan Profesional dalam *SBAfL* yang telah diberikan oleh kementerian pendidikan, yang diharapkan cukup untuk menyediakan data yang bermakna yang boleh dianalisis. Satu lagi keperluan penting peserta dalam kajian ini sedang mengajar sama ada Tahun Tujuh atau Tahun Lapan. Pemilihan ini adalah disebabkan pelaksanaan *SBAfL* diberi penekanan kepada pelajar-pelajar dalam peringkat ini.

Dapatan Kajian

Berdasarkan data dari temu bual, terdapat empat tema utama yang dapat dikenal pasti dalam menjelaskan bagaimana guru-guru pendidikan Islam mengalami dan memahami *SBAfL*. Keempat-empat tema utama ini ialah; 1) Mewujudkan dan menjelaskan matlamat atau objektif pembelajaran; 2) Menilai pemahaman pelajar melalui pelbagai pendekatan; 3) Memberi maklum balas secara lisan dan bertulis, dan; 4) Penglibatan pelajar dalam pentaksiran. Penjelasan mengenai tema-tema ini dapat dilihat di dalam rajah di bawah dan huraianya, seperti berikut;



Rajah 1. Ciri-ciri dalam SBAFL

Mewujudkan dan menjelaskan matlamat atau objektif pembelajaran.

Objektif pengajaran adalah merupakan perubahan yang hendak dicapai oleh pelajar setelah proses pengajaran dan objektif ini boleh jadi dalam bentuk pengetahuan, kemahiran, sikap dan sebagainya (Rahil et al 2009). Para peserta dalam kajian ini menyatakan bahawa mereka perlu menjelaskan kepada pelajar-pelajar tentang objektif yang perlu mereka capai, sebelum sesi pengajaran bermula. Perkara ini tidak pernah mereka buat sebelum adanya SBAFL. Sebagaimana penjelasan dari peserta kajian :

“....dalam SBAFL yang penting target cikgu, target apa yang guru mahu hasil daripada SBAFL itu (itu). Jadi target ani tah (inilah) yang kitani (kami) mesti share dengan student. Sebagai contoh, cikgu mahu kamu di akhir pengajaran, kamu dapat melakukan wudhu dengan baik dan tertib dan teratur. Jadi student itu (itu) nampak jelas apa yang patut dipelajarinya. Kitani (kita) share tu cikgu sama (dengan) pelajar. Macam dulu kitani (kita) inda (tidak) membagtau (menjelaskan), kitani (kita) terus saja mengajar apabila masuk ke bilik darjah. Hari ani (ini) kitani (kita) belajar wudhu, tapi apa kehendak guru student inda tau (tidak tahu), inda (tidak) dishare. Jadi dalam SBAFL, kami mensharekan tu, kalau boleh ditulis dalam whiteboard, dibagtau (dijelaskan) di akhir pengajaran cikgu mahu, kamu mesti lurus wudhu (kamu mesti berwudhu dengan betul), mesti tertib, mesti baik, mesti bagus.” (GPI3)

“.....kemudian guru mendedahkan kepada para pelajar tentang objektif pengajaran.....” (GPI1)

“contoh ahh kitani (kita) membagi kerja, kitani (kita) mengajar tapi kitani (kita) inda (tidak) menerangkan arah (kepada) students apa objektif yang kitani (kita) mahu (kehendaki), kalau dulu, guru-guru biasanya tinggal dalam persediaan objektif itu (itu)

tapi kalau SBAfL, mesti transparent arah student, kitani mau ari ani (kita mahu hari ini), kamu students dapat ani ani ani..., kitani (kita) beshare berkongsi membagitau (memberitahu) apa yang kitani (kita) mahu supaya sama-sama dapat mencapai, target SBAfL dari segi ia punya hasil pembelajaran ataupun disebut success criteria.” (GPI5)

Berdasarkan temu bual tersebut penjelasan objektif pembelajaran adalah penting untuk membantu pelajar dalam mencapai kemahiran yang dikehendaki oleh guru. Sebelum SBAfL diimplementasikan menurut peserta kajian objektif pengajaran hanya diketahui oleh guru dan tertulis di buku rancangan mengajar guru sebagai rujukan mereka. Oleh itu adalah penting bagi guru pendidikan Islam untuk menjelaskan objektif atau matlamat pembelajaran kerana pelajar hanya boleh mencapai matlamat pembelajaran jika mereka memahami matlamat tersebut, menganggap pemilikan mereka terhadapnya dan boleh menilai kemajuan (Sadler 1998; Black & William 1998).

Mentaksir pemahaman pelajar melalui pelbagai pendekatan

Berdasarkan temu bual dapatan kajian mendapati guru-guru pendidikan Islam menggunakan pelbagai pendekatan pentaksiran bagi mentaksir pelajar. Pentaksiran bukan hanya dilaksanakan di akhir pengajaran tetapi juga di awal pengajaran, iaitu pra pentaksiran atau pentaksiran dignostik dan juga semasa proses pengajaran berlangsung iaitu pentaksiran untuk pembelajaran (AFL), pentaksiran dibuat secara berterusan (diintegrasikan dalam pengajaran dan pembelajaran). Petikan di bawah menunjukkan perkara tersebut:

“sebenarnya SBAfL ani dari mula kan induksi pun sudah boleh kitani (kita) buat penilaian SBAfL. Macam dengan observation kan, aah. Ia sebenarnya lebih, untuk penilaian formatif. Bila-bila masa sama ada sebelum mengajar, pertengahan mengajar pun masih dapat menilai menggunakan SBAfL, ...” (GPI6)

“jadi apa yang dapat saya kongsi, saya cuba belajar melatih diri saya bagaimana menerapkan pentaksiran dalam aktiviti pembelajaran. Contohnya, aah.. ia lebih kepada melibatkan pelajar sepenuhnya, kemudian perlu menyediakan pelbagai tugasan. Maksudnya, aah.. kesesuaian tajuk pelajaran..” (GPI1)

“SBAfL lebih kepada penilaian berterusan. Pelajar akan sentiasa dinilai oleh guru dari semasa ke semasa...”. (GPI2)

Pentaksiran formatif atau pentaksiran untuk pembelajaran yang dilaksanakan ada yang berbentuk formal dan tidak formal. Selain itu kajian juga mendapati pengetahuan, kefahaman dan penguasaan pelajar terhadap bahan pengajaran juga ditaksir melalui pelbagai aktiviti yang diberikan oleh guru pendidikan Islam, sebagaimana yang dinyatakan oleh peserta kajian pada petikan di bawah ini:

“Dalam SBAfL Penilaian juga boleh menggunakan soal jawab.....Kadang diadakan pertandingan, presentation. kadang aktiviti bermain pun pernah ku cubakan jua aktiviti bermain, macam hafalan, kalau kanak-kanak disuruh menghafal di depan, disoal seurang-seurang,(seorang-seorang)” (GPI3)

“contoh, kalau kitani (kita) mahu durang (pelajar) dapat melakukan wudhu dengan sempurna, dengan cara apa? Observation saja kah ataupun perlu menyuruh durang(pelajar) dengan menerangkan kah..” (GPI 5)

Memberi maklum balas secara lisan dan bertulis.

Salah satu aspek yang penting dalam juga pentaksiran ialah menyediakan maklum balas yang membina kepada pelajar. Pelajar diberi maklum balas oleh guru supaya pelajar menggunakan maklumat untuk merapatkan jurang antara tahap kefahaman yang sedia ada dan matlamat yang dikehendaki. Daripada data temu bual yang dijalankan, peserta kajian memberi penjelasan tentang bagaimana mereka memberikan maklum balas kepada pelajar. Maklum balas yang diberikan ada yang dalam bentuk lisan dan spontan iaitu diberikan semasa aktiviti pentaksiran dilaksanakan. Maklum balas yang diberikan juga ada kalanya dibuat berdasarkan senarai semak yang disediakan oleh peserta kajian :

“maklum balas yang dapat saya berikan kepada pelajar selepas mereka melaksanakan aktiviti kemudian mereka membuat penilaian biasanya saya menggunakan maklum balas yang spontan ani (ini) berlaku biasa dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Biasanya secara spontan iaitu secara lisan saya akan memberikan maklum balas secara berterusan dalam bilik darjah. tiap kali apa aktiviti yang mereka lakukan. ah tiap kali apa status kefahaman mereka, di mana dan bagaimana dengan hafazan mereka dan sewaktu mereka melakukan praktikal, jika ada kesalahan akan ditegur dengan serta merta terus. dan ada juga maklum balas yang ah... berbentuk pemberitahuan iaitu memberitahu kepada pelajar sejauh mana tahap pengetahuan mereka. ah... hafazan, amali, praktikal sama ada menggunakan borang ah... di senarai semak yang sudah disediakan oleh guru.” (GPI)

Berdasarkan data temu bual, maklum balas yang diberikan oleh peserta kajian bukan hanya setakat memberi pujian terhadap pencapaian pelajar, tetapi juga menjelaskan bagaimana tugas yang diberikan perlu diperbaiki. Maklum balas yang memberi tumpuan kepada apa yang perlu dilakukan boleh menggalakkan pelajar untuk mempercayai bahawa mereka boleh meningkat (Black et.al 2010)

“maklum balas yang kami berikan pelajar ia ikut topik. kalau pembentangan saya bagi dua jua tu, secara lisan macam komen tarus ah... baguslah suaranya, ada pujian, macam mana perlu diperbaiki sama secara ada lisan saya tegur, atau sama ada bertulis.” GPI7)

“misalan projek saya akan lihatkan dalam kelas kalau kumpulan ani (ini) cana (bagaimana) supaya lebih baik untuk ah.. projek yang akan datang.” (GPI6)

“Maklum balas, ah feed back nya mestilah yang kalau kitani (kita) sudah terangkan yang target kitani (kita) kan tu, apa yang perlu anak murid capai jadi apa yang belum dicapainya, apa yang perlu diperbaikinya, atulah (itulah) feed back yang selalu kami bagi dan akan datang.” (GPI3)

Selain itu menurut peserta kajian maklum balas secara bukan lisan juga diberikan terhadap tugas yang diberikan guru:

“Dua-dua, bentuk lisan selalunya bagi saya memerlukan maklum balas segera, contohnya aktiviti soal jawab atau aktiviti presentation, saya akan memberi maklum balas segerakan secara verbal saja dan durang (mereka) menjawab itu (itu) saya akan membagi maklum balas, ah bagus jawapan, cantik tu idea mu,. Jadi saya terus membagi feedback secara verbal. Kalau secara bertulis ia lebih kepada tugas yang durang (mereka) hantar kepada saya, tugas yang durang (mereka) hantar contohnya macam projek, latihan, ujian secara bertulis saya akan memberi feedback secara bertulis.” (GPI2)

Penglibatan pelajar dalam pentaksiran.

Dalam *SBAfL*, guru-guru pendidikan Islam juga menyediakan persekitaran di mana pelajar boleh menilai kemajuan pembelajaran mereka sendiri (*self-assessment*) melalui sistem yang membolehkan mereka untuk belajar melalui percubaan dan kesilapan, ketelusan dan juga maklum balas yang berterusan dan yang ada rakan-rakan (*peer assessment*), selain daripada penilaian dari guru. Para pelajar akan diberikan borang khas untuk membuat penilaian terhadap diri dan rakan mereka. Tiga petikan di bawah menjelaskan tentang berlaku penglibatan pelajar dalam mentaksir pembelajaran yang berlaku di bilik darjah:

...penilaian sendiri setiap pelajar disuruh untuk menulis ulasan tentang tugas yang mereka buat pada mereka menerima pelajaran. manakala penilaian rakan sebaya pula, ialah penilaian yang mana pelajar-pelajar disuruh menilai ah... tugas rakannya seperti dalam aktiviti pembentangan, projek ,peta minda atau pun projek membina soalan dan menjawab soalan.(GPI1)

SBAFL bukan sekadar latihan atau aktiviti tapi ia ada lagi ah... penilaian sama ada ah... penilaian sendiri iaitu pelajar itu sendiri menilai berdasarkan jawapannya sendiri yang diberikannya dan juga ada cara lain lagi iaitu penilaian rakan sebaya di mana rakan-rakan mereka akan menilai. (GPI6)

selalunya penilaian sendiri saya akan menjalankan setelah habis pengajaran dan pembelajaran , dalam SBAfL ada diperkenalkan penilaian rakan sebaya. Penilaian rakan sebaya ialah di mana mereka menilai rakan mereka sendiri ahh,jadi setiap pelajar itu (itu) saya bagi keratas, iaitu borang rakan sebaya. (GPI2)

Berdasarkan temu bual di bawah , peserta kajian menjelaskan bahawa aktiviti yang melibatkan pelajar untuk menilai kemajuan pembelajaran sendiri (*self-assessment*) dan

daripada rakan-rakan (*peer assessment*) ini adalah sesuatu perkara yang baru dalam pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam, menurut peserta kajian sebelum adanya *SBAfL* pentaksiran hanya dilakukan oleh guru, menurut mereka perkara ini adalah sesuatu yang baru, sebagaimana kenyataan yang diberikan oleh peserta kajian:

“sebelum diperkenalkan SBAFL, seperti biasa mengajar kemudian pentaksiran dibuat di akhir pengajaran. Ertinya pentaksiran daripada guru apa yang dibuat oleh pelajar. Ertinya pendedahan pentaksiran kepada pelajar tidak pernah diperkenalkan. Maksudnya, nda (tidak) pernah wujud pentaksiran sendiri atau pentaksiran rakan sebaya...satu pembaharuan di mana guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran mestilah melibatkan pelajar.....di antaranya ialah yang menjadi satu keutamaan selepas membuat aktiviti-aktiviti pelajar-pelajar akan disuruh membuat penilaian. penilaian yang dimaksudkan di sini ialah penilaian sendiri dan penilaian rakan sebaya.” (GPI1)

“....selalunya cikgu ganya (sahaja) menilai.. kalau dalam SBAfL ani (ini), kitani libatkan studentsjadi peer and self-assessment mesti ada, bukan saja self-assessment, peer atu (itu) mesti ada lah.” (GPI4)

Perbincangan dan Kesimpulan

SBAfL merupakan sesuatu yang baru dalam sistem pendidikan di negara Brunei Darussalam, oleh itu kajian mengenainya belum begitu meluas. Hanya terdapat kajian dari Rosdinah dan Jainatul (2014) tentang konsepsi terhadap *SBAfL* bagi guru-guru di sekolah rendah di negara Brunei. Berikut adalah perbandingan dapatan kajian Rosdinah dan Jainatul dengan pengkaji tentang pandangan guru-guru terhadap *SBAfL*.

Jadual 1. Perbandingan Dapatan Kajian Pengkaji (2015) dan Rosdinah & Jainatul (2014)

	Dapatan pengkaji (2015)	Rosdinah & Jainatul (2014)
Pandangan terhadap <i>SBAFL</i>	1. Menjelaskan objektif pembelajaran	1. Pelajar memainkan peranan aktif
	2. Menilai kefahaman pelajar melalui pelbagai pendekatan	2. Objektif pelajar perlu dijelaskan kepada pelajar
	3. Memberi maklum balas	3. Alat untuk menilai kefahaman pelajar secara berterusan
	4. Penglibatan pelajar dalam pentaksiran	4. Arahan dari pihak atasan

Dalam dapatan kajian pengkaji dan Rosdinah dan Jainatul (2014) terdapat persamaan dan perbezaan bagaimana guru-guru di negara Brunei yang terlibat dalam kajian ini memahami *SBAfL* dalam amalan pengajaran dan pembelajaran mereka.

Dapatan kajian pengkaji mendapati guru-guru pendidikan Islam yang terlibat dalam kajian ini menyatakan mereka menilai pelajar melalui pelbagai aktiviti dan pentaksiran juga berlangsung secara berterusan (formatif), ini membuktikan bahawa pelajar dilibatkan secara aktif dalam pengajaran dan pembelajaran. Dapatan ini selaras dengan dapatan Rosdinah dan Jainatul (2014) yang menyatakan bahawa pelajar dilibatkan secara aktif melalui aktiviti yang diberikan dan penglibatan pelajar ini juga berlaku dalam aktiviti memberi maklum balas terhadap rakan sebaya mereka.

Dapatan kajian pengkaji juga mendapati bahawa guru-guru perlu menjelaskan, mendedahkan dan mengongsi sama objektif pembelajaran dengan pelajar, perkara ini juga selaras dengan dapatan kajian Rosdinah dan Jainatul (2014).

Walau bagaimanapun terdapat perbezaan hasil dapatan pengkaji dengan Rosdinah dan Jainatul (2014). Dapatan kajian pengkaji lebih menjurus kepada bagaimana guru-guru pendidikan Islam memahami *SBAfL* dari sudut ciri-ciri atau kriteria yang perlu ada pada *SBAfL* yang perlu dilaksanakan dalam pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam. Dapatan Rosdinah dan Jainatul (2014) lebih melihat kepada hubungan hierarki bagi setiap tema yang diperolehi.

Kefahaman guru-guru pendidikan Islam terhadap ciri-ciri yang perlu ada pada *SBAfL* ini adalah penting, sebagaimana kenyataan William (2008), untuk menggunakan potensi pentaksiran formatif guru mesti menjelaskan dan berkongsi objektif pembelajaran dan kriteria untuk berjaya dengan pelajar, membina perbincangan bilik darjah yang berkesan, soalan dan tugas pembelajaran, menyediakan kembali maklum balas yang menggerakkan pelajar ke hadapan, mengaktifkan pelajar sebagai pemilik pembelajaran mereka sendiri dan menggalakkan pelajar untuk menjadi bahan-bahan pengajaran untuk satu sama lain.

Oleh itu berdasarkan dapatan kajian terdapat empat kategori yang menjelaskan tentang kefahaman guru-guru pendidikan Islam yang terlibat dalam kajian ini. Kefahaman dan pengalaman guru-guru pendidikan Islam ini melibatkan tentang kefahaman ciri asas dalam *SBAfL* yang meliputi penjelasan objektif pembelajaran, pemberian maklum balas kepada pelajar, penglibatan pelajar dalam pentaksiran melalui penilaian sendiri dan penilaian rakan sebaya, selain itu dapatan kajian juga mendapati bahawa pentaksiran terhadap pelajar dilaksanakan dengan menggunakan pelbagai pendekatan seperti pra pentaksiran (*pre-assessment*), semasa pentaksiran (*assessment for learning*) dan di akhir pengajaran. Pentaksiran yang dilaksanakan juga ada yang berbentuk formal dan tidak formal. Pelbagai pendekatan dalam mentaksir pelajar dengan pelbagai pendekatan menunjukkan kelainan amalan pentaksiran dalam mata pelajaran pendidikan Islam.

Berdasarkan dapatan dari temu bual juga menjelaskan bagaimana pentaksiran disepadukan dengan pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam, yang mana ini dapat menyediakan guru pendidikan Islam dan pelajar dengan maklumat kualitatif tentang bagaimana pelajar menguasai pembelajaran mereka. Oleh itu guru pendidikan Islam dan

pelajar dapat mengetahui kekuatan dan kelemahan pelajar semasa proses pengajaran dan pembelajaran.

Kategori-kategori yang didapati melalui dapatan kajian menunjukkan bahawa berlakunya perubahan budaya di dalam bilik darjah. Perubahan itu melibatkan di mana guru bekerjasama dalam membantu pelajar untuk mencapai objektif pembelajaran dengan melibatkan pelajar terlibat aktif di bilik darjah. Penglibatan pelajar di antaranya melalui aktiviti yang diberikan dan penglibatan pelajar dalam penilaian sendiri dan penilaian rakan sebaya. Penilaian sendiri merupakan kunci utama bagi proses pembelajaran aktif, manakala melalui penilaian rakan sebaya memberi potensi untuk membantu pelajar menguasai konsep dan kemahiran yang dipelajari dalam pelajaran mereka (Mundia 2010).

Tambahan juga, guru perlu menyediakan persekitaran yang membolehkan pelajar membuat refleksi ke atas pembelajaran mereka sendiri dan membuat penilaian ke atas rakan mereka. Strategi ini akan memberikan maklum balas kepada guru tentang tahap pengajaran dan pencapaian pelajar mereka. Oleh yang demikian, dapatan di dalam kajian ini telah mendedahkan tentang amalan khusus dalam pentaksiran dalam mata pelajaran pendidikan Islam di samping amalan umum yang berlaku dalam mata pelajaran-mata pelajaran umum.

Justeru, guru perlu menggunakan pentaksiran bagi membimbing dan meningkatkan pengajaran di samping dapat menjadikannya sebahagian daripada proses pengajaran. Di samping itu juga, guru perlu membangunkan pemahaman yang lebih menyeluruh terhadap proses kedua-dua proses pentaksiran sumatif dan formatif .

Rujukan

- Black. P & William. D. 2010. A Pleasant Surprise. *Phi Delta Kappan*, 92(1), 47-48.
- Black. P & William.D. 1998. Inside the Black Box. *Phi Delta Kappan*. 80(2), 139-148.
- Brookhart. S. M. 2008. *How to Give Effective Feedback to your Students*. Alexandria. VA: ASCD
- Centre of Educational Research and Innovation(CERI). 2008. *Assessment for Learning. Formative Assessment*. Organisation for Economic Co-Operation and Development.
- Chappius, S & Chappius, J. 2008. The best value in formative assessment. *Educational Leadership*, 65(4), 14-18.
- Clark.I. 2010. Formative Assessment. There is Nothing So Practical as Good Theory. *Australian Jurnal of Education*. 54(3), 341-345.

- Creswell. J.W. 1998. *Qualitative research desing; choosing between five traditions*. Thousand Oaks, C.A: Sage.
- Glasson, T. 2009. *Improving Student Achievement: A practical guide to Assessment for Learning*. Australia Curriculum Corporation.
- Guskey. T. R. 2003. How classroom Assessment Improve Learning. *Using Data to Improve Student Achievement*, 60(5), 6-11.
- Harlen. W & Crick. R. D. 2003. Testing and Motivation for Learning. *Assessment in education: Principles, Policy & Practice*, 10(2), 169-207.
- Merriam, S.B. 1998. *Qualitative Research and Case Study Applications in Eeducation*. San Francisco, CA: Josey-Bass.
- Moustakas. C. 1994. *Phenomenological Research Methods*. California. Sage Publications. Thousand Oaks.
- Muijs.D dan Reynolds.D. 2011. *Effective Teaching. Evidence and Practice*. London Sage Publications Limited.
- Mundia.L. 2010. Implementation of SPN21 Curriculum in Brunei Darussalam: A Review of Selected Implications on School Assessment Reform. *International Education Studies*. Vol.2.No.2. www.ccsenet.org/ies.
- Popham W.J. 2008. *Transformative Assessment*. Alexandria, VA : Association for supervision and curriculum Development.
- Rahil Mahyuddin, Habibah Elias, Kamariah Abu Bakar. 2009. *Amalan Pengajaran Berkesan*. Selangor Darul Ehsan. Karisma Publication Sdn. Bhd.
- Rosdinah Abdul Rashid & Jainatul Halida Jaidin. 2014. Exploring Primary School Teachers' Conceptions of "Assessment for Learning". *International Education Studies*; Vol. 7, No. 9; 2014. Canadian Center of Science and Education
- Sadler. D. R. 1998. Formative Assessment: Revisiting the Territory: *Assessment in Education*. 5(1), 7-74.
- William, D & Thompson, M. 2008. Integrating Assessment with Learning: what will it take to make it work? Dalam C.A. Dwyer (Ed). 2008. *The future of assessment: shaping teaching and learning* (pp.53-82). Mahwah, NJ: Lawrence Erlbaum.
- William, D. 2005. *Assessment for Learning: Improving teaching quality and test scores*. Muat turun <http://www.dylanwilliam.net>.
- William. D; Lee. C; Harrison.C & Black. P. 2004. Teachers Developing Assessment for Learning: Impact on Student Achievement. *Assessment in Education*, 11(1), 49-65.
- Zainal Ariffin. T.th. *Pengukuran dan Penilaian dalam Pendidikan Meningkatkan Latihan Akademik*. Kuala Lumpur. SAM Synergy Media sendirian Berhad.